

UniSZA anjur i-Care Ahad ini

KUALA TERENGGANU
18 Jun - Satu Program
Perkongsian Pintar
Bersama Masyarakat
(i-Care) 2014 anjuran
Universiti Sultan Zainal
Abidin (UniSZA) akan
diadakan di kampus
UniSZA Tembila, Besut
pada Ahad ini.

Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan
Antarabangsa) UniSZA,
Prof. Dr. Mahadzirah
Mohamad berkata, objektif
utama program itu adalah
bagi mempromosikan
peranan universiti
selain menjayakan
tanggungjawab sosialnya
kepada masyarakat.

"Program ini juga
bertujuan menggalakkan
staf dengan kerja-kerja
kebaikan di samping
memberi kesedaran
kepada mereka tentang
pentingnya pergaulan
luar dan khidmat bakti
untuk komuniti setempat
sebagai nilai tambah dalam
pembangunan modal insan.

"Selain itu juga bagi
mengukuhkan hubungan
antara warga kampus
dengan masyarakat
setempat selain berkongsi
kepakaran yang ada dalam
pelbagai bidang," katanya
dalam satu kenyataan di
sini hari ini.

Jelas Mahadzirah,
program itu menyahut
kelangsungan idea
Menteri Pendidikan II,
Datuk Seri Idris Jusoh
supaya program komuniti
perlu dilaksanakan
antara universiti dengan
masyarakat ketika
lawatannya ke UniSZA
baru-baru ini.

UTUSAN MALAYSIA 19/6/2014

Sabtu 21 Jun 2014 • Sinar Harian 39

BERITA TERENGGANU

Program iCare di Unisza Kampus Tembila esok

BESUT - Univer-
siti Sultan Zainal
Abidin (Unisza)
akan menganjur-
kan Program
Perkongsian
Pintar Bersama
Masyarakat (iCa-
re) 2014 esok di
Unisza Kampus
Tembila, di sini.

Naib Canse-
lornya, Profesor
Dr Yahya Ibrahim
berkata, objektif utama program
itu adalah untuk mempromosi
peranan universiti kepada ma-
syarakat awam selain meng-
implementasikan tanggung-
jawab sosial universiti kepada
masyarakat.

"Program ini juga bertujuan
menggalakkan kakitangan terlibat
dengan kerja keabjikan di sam-
ping memberi kesedaran kepada
mereka tentang pentingnya per-
gaulan luar dan khidmat bakti un-
tuk komuniti setempat sebagai ni-



YAHYA

lai tambah dalam
pembangunan
modal insan.

"Ia juga bagi
mengukuhkan
hubungan anta-
ra warga kampus
dengan masya-
rakat setempat
di samping ber-
kongsi kepakaran
yang kami ada,"
katanya.

Beliau ber-
kata, program itu juga sebagai
menyahut kelangsungan idea
Menteri Pendidikan Kedua,
Datuk Seri Idris Jusoh yang me-
nyarankan program komuniti
perlu dilaksanakan antara uni-
versiti dengan masyarakat ketika
lawatannya ke Unisza sebelum
ini.

Katanya, pelbagai aktivi-
ti turut diadakan pada program
itu antaranya pameran, forum
perdana dan persembahan
kebudayaan.